



## Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,  
Engkau memanggil kami untuk berjalan  
bersama sebagai umat-Mu,  
ditarik ke dalam kehidupan  
persekutuan Bapa, Putera,  
dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap  
untuk Konvensyen  
Pastoral Malaysia 2026.  
Ajarlah kami untuk mendengar dengan  
mendalam, untuk menilai dengan setia,  
dan untuk mempercayai ke mana  
Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu  
empat aspek yang sedang kami  
pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami,  
agar mereka menjadi tempat cinta,  
iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami,  
agar kami dapat berkembang dalam  
persekutuan, penyertaan, dan saksi  
yang penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan  
ciptaan, agar kami dapat menjaga bumi  
dengan rasa hormat, tanggungjawab,  
dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam  
komuniti, agar kami dapat mencari  
keadilan, mempromosikan keamanan,  
dan berdiri dalam solidariti dengan  
yang miskin dan yang terpinggir.

Ketika jalan pastoral lahir  
daripada pertimbangan kami, semoga  
ia memperkaya dan menguatkan  
komuniti iman tempatan kami.


Dengan Maria, Bonda Gereja,  
yang merenungkan Firman-Mu dan  
berjalan dalam iman, ajarilah kami  
untuk berjalan bersama  
dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar dalam  
Kristus, penuh perhatian terhadap satu  
sama lain, dan terbuka kepada  
karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini membantu  
kami hidup dengan lebih setia sebagai  
satu Gereja Katolik Malaysia,  
melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.  
Amin

(terjemahan-HERALD)



# Jangan pandang rendah

## keganasan terhadap wanita

**V**ATIKAN: Sri Paus Leo XIV me-  
negasikan bahawa keganasan  
terhadap wanita merupa-  
kan satu tragedi kemanusiaan yang  
tidak boleh dipandang ringan dan  
perlu ditangani melalui perubahan  
budaya, pendidikan serta kesedaran  
masyarakat.

Kenyataan tersebut dinyatakan sebagai  
jawapan kepada seorang pembaca dalam edi-  
si bulan Mac majalah *Piazza San Pietro*, yang  
diterbitkan pada Mac 8, sempena Hari Wanita  
Sedunia.

Seperti kebiasaan, Paus menjawab surat  
daripada pembaca yang memohon panduan  
rohani atau refleksi mengenai isu-isu semasa.

Dalam edisi kali ini, surat tersebut ditulis  
oleh seorang wanita bernama Giovanna dari  
Roma.

Dalam suratnya, Giovanna menulis "dengan  
mata yang berair," menggambarkan pende-  
ritaannya ramai wanita yang mendapati hubun-  
gan cinta atau perkahwinan yang sepatutnya  
membawa kebahagiaan akhirnya menjadi  
"perangkap."

Giovanna mempersoalkan mengapa kega-  
nasan semakin kerap berlaku dalam hubun-  
gan, khususnya terhadap wanita yang ser-  
ing menjadi mangsa lelaki yang mendakwa  
mencintai mereka.

Dalam sesetengah kes, keganasan itu mem-  
bawa kepada pembunuhan yang kejam, se-  
olah-olah wanita dipersalahkan kerana tidak

lagi mencintai pasangan mereka. Menjawab  
soalan tersebut, Sri Paus Leo XIV mengakui  
bahawa isu keganasan dalam hubungan, teru-  
tama terhadap wanita, menimbulkan "pen-  
deritaan yang besar."

Giovanna turut menyeru agar diwujudkan  
"perikatan pendidikan" yang lebih kukuh  
antara keluarga, sekolah, Gereja dan institusi  
masyarakat.

Bapa Suci menegaskan bahawa semua  
pihak perlu bekerjasama membangunkan  
usaha mencegah keganasan terhadap wanita  
serta mendidik masyarakat supaya menghorm-  
mati maruah lelaki dan wanita.

"Kita mesti menghapuskan keganasan ini  
dan membentuk pemikiran yang membawa  
kepada budaya damai," tegasnya.

Prelatus itu mengingatkan kembali ajaran  
Santo Yohanes Paulus II mengenai konsep  
"genius feminin," yang menekankan keunikan  
dan sumbangan penting wanita dalam ke-  
hidupan masyarakat dan Gereja.

Menurut Bapa Suci, wanita merupakan  
"protagonis dan pencipta budaya penjagaan  
dan persaudaraan" yang amat berharga un-  
tuk masa depan kemanusiaan.

Namun, ironinya, nilai-nilai yang dibawa  
oleh wanita seperti iman, kebebasan, kesak-  
samaan, harapan, solidariti dan keadilan ser-  
ing menjadikan mereka sasaran keganasan  
dalam masyarakat yang semakin keliru, tidak  
stabil dan cenderung kepada kekerasan.

Bapa Suci menegaskan bahawa nilai-nilai  
luhur ini sering ditentang oleh mentaliti  
yang berbahaya, yang mencemari hubungan

manusia dengan sikap mementingkan diri,  
prasangka, diskriminasi dan keinginan untuk  
menguasai orang lain.

Sri Paus Leo XIV turut mengingatkan ba-  
hawa keganasan dalam apa jua bentuk meru-  
pakan garis pemisah antara tamadun dan ke-  
biadaban.

Oleh itu, beliau menegaskan bahawa se-  
barang tindakan keganasan tidak boleh di-  
pandang remeh atau disembunyikan, dan  
masyarakat tidak seharusnya takut untuk me-  
laporkan kes-kes keganasan.

Pada masa yang sama, Paus menyambut  
baik cadangan Giovanna agar usaha mem-  
banteras keganasan dimulakan melalui pen-  
didikan dan pembentukan budaya hormat  
dalam kalangan generasi muda. Katanya,  
sekolah dan Gereja mempunyai peranan  
penting dalam membentuk masyarakat yang  
menghormati martabat wanita dan semua  
manusia,

Bapa Suci turut menegaskan keperluan  
mewujudkan "perikatan pendidikan" yang  
lebih kukuh antara institusi seperti keluarga,  
sekolah, paroki, gerakan Gereja serta institusi  
awam bagi membangunkan program khusus  
untuk mencegah keganasan terhadap wanita.

Sri Paus Leo mengakhiri refleksinya dengan  
menyeru semua pihak untuk menghentikan  
keganasan serta membentuk budaya damai  
yang menghormati maruah setiap insan.

"Kita mesti menghapuskan keganasan ini  
dan belajar menjadi manusia yang membawa  
keamanan serta kepedulian terhadap sesa-  
ma," tegas Sri Paus Leo XIV. **Media Vatikan**

# Apa yang kita tanam, itulah yang kita tuai

Thomas Moore, penulis *Care of the Soul*, mengajar bahawa tugas rohani kita yang paling penting adalah mendengar desakan jiwa kita sendiri.

Jika kita mendengar suara jiwa kita sendiri, ia akan membimbing kita, melindungi kita, dan menjaga kita sihat.

Saya mendengar kata-kata ini ketika beliau berceramah kepada peserta dalam Gereja dan selepas dia selesai membentangkan, seseorang menyuarakan bantahan yang kuat ini:

“Saya seorang lelaki yang sudah berkahwin, bagaimana jika jiwa saya memberitahu saya untuk berzina?”

Moore menjawab: *Jiwa anda tidak akan pernah memberitahu anda untuk berzina. Jiwa anda adalah sistem imun untuk moral dan rohani anda.*

*Sama seperti sistem imun tubuh badan ia tidak akan pernah mendorong anda untuk melakukan perkara yang buruk bagi kesihatan fizikal anda. Begitu juga dengan jiwa anda. Jiwa anda tidak akan pernah mendorong anda untuk melakukan perkara yang buruk untuk kesihatan moral dan spiritual anda.*

*Jiwa anda, sama seperti tubuh anda, mempunyai sistem imun yang melindungi kesihatan anda.*

Apa yang dikatakan oleh Moore tentang jiwa individu juga benar untuk jiwa dunia ini. Realiti mempunyai sistem imun, lengkungan moral, yang melindungi kesihatan kita dan memberi kita peringatan apabila ia dicerobohi atau dilanggar.

Ini mempunyai pelbagai ungkapan. Sebagai contoh, Yesus mengajar ini dengan jelas: *Ukuran yang kamu ukur adalah ukuran yang akan kamu terima* (Markus 4: 24).

Apa yang tersirat di sini adalah bahawa

realiti mempunyai struktur moral, dan struktur moral itu disokong oleh cinta. Cinta yang tidak boleh dicemari kerana jika ia dilanggar, ia boleh mendatangkan akibat.

Jiwa kita bertindak dengan cara yang sama, memberi ganjaran kepada kebaikan dan kejahatan akibat kejahatan. Udara yang kita hembuskan adalah udara yang akan kita sedut semula (sangat betul).

Dalam agama Buddha dan Hindu, ini dinyatakan dalam apa yang mereka panggil Hukum Karma. Dalam bahasa jalaran, Hukum Karma mengajar bahawa apa yang berlaku akan kembali semula.

Realiti disusun sedemikian rupa sehingga kita sentiasa akhirnya menuai akibat daripada tindakan kita sendiri.

Apabila kita bertindak secara altruistik, perkara baik akan datang kepada kita, dan apabila kita bertindak secara mementingkan diri sendiri, kita akan menuai beberapa akibat yang tidak menyenangkan.

Pada dasarnya, tiada siapa yang terlepas, dan tiada perbuatan baik yang tidak mendapat ganjaran.

Apa yang diajarkan oleh Yesus dan Hukum Karma ialah: sama seperti tubuh fizikal kita mempunyai sistem imun yang melindungi dan membimbing kita, ia tidak boleh diabaikan atau dilanggar, kerana jika dilanggar ia membawa akibat, realiti juga mempunyai sistem imun, struktur moral yang tidak boleh dilanggar, jika dilanggar atau diabaikan, ia boleh mendatangkan akibat buruk.

Akhirnya, kita menuai apa yang kita tanam, tanpa pengecualian. Kebaikan atau kebajikan yang kita lakukan ada ganjarannya sendiri dan kejahatan atau dosa, ada hukumannya sendiri.

Namun, ini selalunya sukar difahami. Kadang-kadang ia kelihatan seperti dosa diberi

ganjaran dan kebajikan dihukum.

Namun, itu kebanyakannya pada tahap emosi kita. Secara emosional, adalah semula jadi untuk iri hati kepada mereka yang bertindak sesuka hati atau tidak bermoral.

Nikos Kazantzakis menyatakan ini dengan teknik yang lain: “Kesucian duduk sendirian di puncak tebing yang sunyi. Dia memikirkan semua kesenangan terlarang yang tidak pernah dirasainya – dan dia menangis!”

Kita melihat bentuk kedengkian ini dalam diri abang sulung Anak yang Hilang. Dia iri hati dengan hakikat bahawa adik lelakinya menyerahkan diri kepada hedonisme deria, sementara dia sendiri tetap pada jalan moral.

Bagi si abang, adiknya seolah-olah telah memahami kehidupan, sementara dia, dalam ketakutan, telah terlepas daripadanya. Namun, kata-kata bapanya kepadanya bertujuan untuk menghilangkan rasa cemburu (dan cemburu kita) terhadap yang tidak bermoral.

Bapa yang Murah Hati, iaitu Tuhan, memberitahu abang yang lebih tua supaya tidak cemburu dengan kelakuan tidak bermoral dan hedonisme adik lelakinya. Dari penampilan luar, ia mungkin kelihatan seperti kehidupan, tetapi dalam kata-kata bapa: Adikmu sudah mati!

Terdapat lengkungan moral di dalam semua realiti yang dicipta, sistem imun moral, yang bertujuan untuk melindungi alam semesta dan kita semua di dalamnya.

Kebajikan adalah ganjarannya sendiri, dosa adalah hukuman untuknya sendiri. Kedua-dua Hukum Karma dan Yesus meyakinkan kita bahawa ukuran yang anda berikan adalah ukuran yang akan anda terima.

Tiada perbuatan baik yang tidak mendapat ganjaran dan tiada perbuatan mementingkan diri sendiri yang meningkatkan ke-



hidupan seseorang.

Saya menulis tesis kedoktoran saya mengenai bukti kewujudan Tuhan. Saya mengkaji lima cara terkenal Thomas Aquinas, Argumen Ontologi Anselm yang menarik, pandangan Descartes tentang ini, dan pelbagai komentar yang cuba membuktikan kewujudan Tuhan.

Akhirnya, saya menyimpulkan bahawa kita tidak dapat membuktikan kewujudan Tuhan, seperti mana seseorang mungkin membuktikan kebenaran melalui persamaan matematik atau hipotesis saintifik yang ketat.

Tetapi ini tidak bermakna bahawa bukti-bukti ini tidak berguna. Bukti-bukti itu berfungsi dengan cara yang lain. Mereka menunjukkan kepada anda cara hidup tertentu, iaitu, di mana anda tidak mencari untuk menemukan realiti Tuhan di hujung suatu persamaan, tetapi di mana anda mencari untuk mengalami realiti Tuhan melalui hidup dengan cara yang jujur dan bermoral.

Terdapat lengkungan moral di dalam seluruh realiti, sebuah sistem imun, yang, saya percaya, adalah bukti jelas untuk kewujudan Tuhan, kerana ia memberitahu kita bahawa cinta peribadi dan altruistik terletak di atas segala-galanya dan ia tidak boleh dilanggar. **Hakcipta Terpelihara 1999-2026 @ Fr Ron Rolheiser**

## Dari kubur kepada KEHIDUPAN

Pada Minggu Pra-Paskah V, Gereja mengajak umat beriman merenungkan Injil tentang Yesus yang membangkitkan Lazarus.

Kisah ini merupakan salah satu mukjizat terbesar yang dilakukan oleh Yesus dan menjadi tanda jelas bahawa Dia adalah Tuhan kehidupan.

Dalam Injil tersebut, Yesus berkata kepada Marta: “Akulah kebangkitan dan hidup; barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan hidup walaupun sudah mati.”

Sabda ini memberikan harapan besar kepada semua orang yang percaya kepada-Nya.

Dalam kisah itu, Maria dan Marta sangat berdukacita kerana Lazarus, saudara mereka, telah meninggal dunia.

Kesedihan mereka begitu mendalam sehingga mereka berkata kepada Yesus bahawa jika Dia datang lebih awal, Lazarus pasti tidak akan mati.

Kata-kata mereka menunjukkan kesedihan manusiawi, tetapi pada masa yang sama memperlihatkan iman mereka kepada kuasa Yesus.

Namun Yesus menunjukkan bahawa kuasa Tuhan melampaui segala keterbatasan manusia, bahkan melampaui kematian.

Di hadapan kubur Lazarus, Yesus memanggilnya keluar. Dengan kuasa ilahinya, Lazarus yang telah mati bangkit dan keluar dari kubur.



Mukjizat ini mengingatkan kita bahawa bagi Tuhan tidak ada yang mustahil. Dia mampu membawa kehidupan baru bahkan dari situasi yang kelihatan sudah berakhir.

Bacaan pertama dari Nabi Yehezkiel juga menegaskan janji Tuhan untuk membuka kubur umat-Nya dan memberikan Roh-Nya supaya mereka hidup.

Janji ini bukan hanya berbicara tentang kematian fizikal, tetapi juga tentang kehidupan rohani.

Dalam kehidupan seharian, kita juga sering mengalami “kubur-kubur rohani” seperti dosa, keputusan, ketakutan atau luka batin yang menghalang kita hidup dengan penuh harapan.

Masa Pra-Paskah menjadi kesempatan bagi kita untuk mendengar panggilan Yesus yang berkata seperti kepada Lazarus: “Keluarlah!”

Tuhan mengundang kita untuk keluar dari dosa, dari sikap yang melemahkan iman, dan dari segala sesuatu yang menghalang kita hidup sebagai anak-anak Tuhan.

Selain itu, kisah Lazarus juga mengajar kita bahawa Yesus turut merasakan penderitaan manusia. Injil mencatat bahawa Yesus sendiri menangis ketika melihat kesedihan Maria dan orang-orang di sekelilingnya. Ini menunjukkan bahawa Tuhan bukan sahaja berkuasa, tetapi juga penuh belas kasih terhadap manusia.

**HARI MINGGU KELIMA  
PRA-PASKAH**  
*Ezra 37:12-14;  
Roma 8: 8-11;  
Injil Yohanes 11:1-45*

Oleh itu, sebagai pengikut Kristus, kita juga dipanggil untuk membawa harapan kepada orang lain, terutama kepada mereka yang sedang mengalami kesusahannya, kesedihan atau keputusasaan.

Dengan iman kepada Kristus yang bangkit, kita dipanggil menjadi saksi harapan dan pembawa kehidupan bagi dunia. Semoga iman kita semakin diperkuat menjelang perayaan Paskah. Amin.

Bacaan kedua dari Surat rasul Paulus kepada Jemaat di Roma mengingatkan bahawa Roh Tuhan tinggal dalam diri kita. Roh Kudus itulah yang memberi kehidupan baru dan membimbing kita untuk hidup menurut kehendak Tuhan.

Menjelang Minggu Suci, Gereja mengajak kita memperbaharui iman kepada Kristus.

Dialah Tuhan yang mengalahkan dosa dan kematian. Jika kita percaya kepada-Nya, kita bukan sahaja menantikan kebangkitan pada akhir zaman, tetapi juga mengalami kehidupan baru mulai sekarang.

Semoga dalam masa Pra-Paskah ini kita membuka hati kepada Tuhan melalui doa, pertobatan dan kasih kepada sesama. **Terang Iman**

# Dua diakon tetap ditahbis di BM

BUKIT MERTAJAM: Dua orang pemuda telah dilantik ke jabatan Diakonat Tetap oleh Kardinal Sebastian Francis baru-baru ini di Basilika Kecil St Anne.

Anthony Michael dan Isaac Alfred Simbun ditahbis, memilih tema pentahbisan mereka, "Aku ini antara kamu sebagai yang melayani," (Lukas 22:27), yang menyatakan komitmen mereka untuk melayani di ladang Tuhan, dengan kesetiaan.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Kardinal Sebastian Francis, bersama Msgr Jude Miranda, Msgr Stephen Liew, Msgr Henry Rajoo dan Fr Nelson Joseph serta dibantu oleh Diakon Lazarus Anthony.

Upacara dimulakan dengan pemanggilan para calon, diikuti dengan homili Kardinal Sebastian. Menekankan intipati pelayanan, diakon, beliau menggambarkan sebagai kerasulan hamba, mencerminkan imej Kristus sendiri.

"Kedua orang ini diangkat ke dalam peringkat diakon. Mereka akan mendapat kekuatan baru daripada anugerah Roh Kudus," kata Kardinal Sebastian.

Mereka akan membantu uskup dan para paderi sebagai pelayan Sabda, altar, dan amal. Mereka harus menjadikan diri mereka hamba kepada semua.

Kardinal mengingatkan para calon tentang tanggungjawab mereka:ewartakan Injil kepada orang yang percaya dan tidak percaya, memimpin doa awam, membaptis, membantu dalam perkahwinan, membawa viaticum kepada orang yang sedang

nazak dan memimpin upacara pengebumian.

Upacara diteruskan dengan komitmen kepada selibat oleh Isaac Simbun, yang berdiri di hadapan kardinal untuk menyatakan niatnya.

Ini diikuti dengan janji ketaatan dan litani para santo, apabila mana yang terpilih sujud sebagai tanda penyerahan total dan pergantungan kepada Tuhan.

Semasa pemakaian stola dan dalmatik, isteri Diakon Anthony, Maria Aung, mempersembahkan pakaian liturginya, manakala ibu Diakon Isaac, Puan Zainah Sallau, membawa pakaian liturgi anaknya.

Diakon Anthony dan Isaac, kemudian dilantik oleh paderi

yang dipilih secara peribadi oleh mereka — Msgr Stephen Liew untuk Diakon Anthony dan Fr Nelson Joseph untuk Diakon Isaac.

Stola dan dalmatik melambangkan jabatan Gerejawi dan pelayanan diakon.

Dalmatik, khususnya, melambangkan amal dan keadilan — ciri-ciri utama panggilan diakon.

Diakon yang baru ditahbis kemudian menyertai kardinal di altar untuk Liturgi Ekaristi.

Dalam ucapan terima kasih mereka, kedua-duanya menyatakan rasa syukur kepada ahli keluarga, pembimbing, klerus dan umat yang telah menemani mereka sepanjang perjalanan pembentukan mereka.



## Seruan *Laudato Si'* bergema di Seminar Wanita Katolik



PAPAR: Seramai 150 orang wanita Katolik dari seluruh Paroki Limbahau telah meluangkan masa menghadiri Seminar Wanita Katolik yang bertemakan "Wanita dan Ekologi" pada Mac 7 lalu.

Objektif utama seminar ini ialah untuk memberi kesedaran kepada para peserta tentang kepentingan ekologi dalam kehidupan harian.

Seminar setengah hari ini diadakan sebagai sebahagian daripada aktiviti sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia yang disambut pada Mac 8, 2026. Penceramah utama, Sr Calista Saliun FISC, yang juga Pengerusi Komisi Keadilan Ciptaan Keuskupan Agung Kota Kinabalu, mengetengahkan ajaran Gereja Katolik mengenai tanggungjawab umat manusia untuk menjaga alam ciptaan Tuhan sebagaimana yang ditekankan dalam ensiklik *Laudato Si'* oleh Sri Paus Fransiskus.

Dalam dokumen itu juga, Sri Paus Fransiskus mengingatkan bahawa bumi merupakan "rumah bersama" (*our common home*) yang perlu dipelihara dengan penuh tanggungjawab.

Setiap orang dipanggil untuk menunjukkan kasih terhadap ciptaan Tuhan dengan mengamalkan gaya hidup yang lebih lestari dan menghormati alam sekitar.

Ensiklik ini menyeru kepada "ekologi integral", iaitu pendekatan yang menghubungkan penjagaan alam sekitar dengan keadilan sosial, ekonomi dan kesejahteraan

manusia. Paus Fransiskus menggalakkan semua orang untuk mengambil langkah praktikal seperti mengurangkan pembaziran, mengitar semula, menjimatkan tenaga dan memelihara alam sekitar.

Melalui seminar ini, para peserta turut didedahkan dengan beberapa cara praktikal untuk menjaga ekologi dalam kehidupan seharian.

Antaranya termasuklah mengurangkan penggunaan plastik sekali guna, mengamalkan kitar semula, menjimatkan penggunaan air dan elektrik, serta menjaga kebersihan persekitaran rumah dan komuniti.

Selain itu, para peserta juga digalakkan untuk menanam pokok, mengelakkan pembaziran makanan, dan mendidik ahli keluarga terutama anak-anak tentang kepentingan memelihara alam sekitar.

Diharapkan melalui kesedaran yang dipupuk dalam seminar ini, para wanita Katolik dapat memainkan peranan penting sebagai penjaga alam ciptaan Tuhan, selaras dengan semangat *Laudato Si'*, demi memastikan bumi yang lebih sihat dan lestari untuk generasi akan datang.

Perbincangan dalam kumpulan membolehkan mereka berbincang bagaimana menjadi penjaga bumi. Antaranya ialah mengindahkan kawasan chapel/Gereja masing-masing yang akan dilawati oleh Sr Calista dan pasukannya, tiga atau enam bulan dari sekarang.

## Solidariti doa untuk Ukraine

KUALA LUMPUR: Upacara doa khas telah diadakan di Katedral St John the Evangelist untuk memperingati Hari Doa Kebangsaan Ukraine dan ulang tahun keempat pencerobohan besar-besaran Ukraine oleh Rusia.

Upacara itu menghimpunkan anggota komuniti Ukraine dalam mengenang dan menunjukkan solidariti.

Doa telah dipanjatkan untuk mereka yang kehilangan nyawa dalam perang, termasuk askar

yang terkorban, pembela yang berani, dan orang awam yang tidak bersalah yang terjejas oleh konflik tersebut. Para peserta juga berdoa untuk penyembuhan, keadilan, dan keamanan yang adil dan berkekal untuk Ukraine, merenungkan penderitaan yang berterusan akibat perang dan ketahanan rakyat Ukraine.

Dalam ucapannya, Hennadii Nadolenko, Duta Besar Ukraine ke Malaysia, bercakap tentang

kepentingan peringatan, iman, dan perpaduan dalam menghadapi kesukaran.

Beliau menyatakan rasa terima kasih atas sokongan dan solidariti yang ditunjukkan oleh masyarakat antarabangsa, termasuk rakyat Malaysia.

Upacara doa itu berfungsi sebagai saat renungan bagi mereka yang hadir, menguatkan kepentingan belas kasihan dan solidariti dengan mereka yang menderita akibat kesan perang.

## Kasih komuniti untuk warga emas

KOTA KINALAU: Komuniti BM Pastoral Paroki Katedral Sacred Heart telah menganjurkan Jamuan Warga Emas yang diadakan bersempena Sambutan Hari Wanita Sedunia, baru-baru ini.

Program ini dikendalikan bersama oleh Komuniti Tritunggal Mahakudus (KTM) dan Legion of Mary (LOM) sebagai tanda penghargaan kepada golongan warga emas serta wanita yang telah banyak menyumbang kepada kehidupan dan pelayanan Gereja.

Turut hadir ialah Fr Terans Thadeus, yang makan bersama para warga emas.

Katanya, jamuan ini bukan sahaja menjadi ruang untuk berkumpul dan beramah mesra, tetapi juga sebagai peluang untuk menghargai jasa dan pengorbanan warga emas yang telah lama setia melayani dalam pelbagai pelayanan Gereja.

Dalam ucapan ringkas yang disampaikan oleh wakil penganjur, para peserta diingatkan bahawa golongan warga emas dan wan-

ita memainkan peranan penting dalam membina komuniti Gereja yang kukuh.

Pengalaman hidup, kebijaksanaan serta semangat pelayanan mereka menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk terus melayani dengan penuh dedikasi. Penganjur berharap agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai tanda penghargaan kepada warga emas serta sebagai usaha memperkukuhkan semangat perpaduan dan kasih dalam komuniti Gereja.



# Sahabat kecil Yesus

Isikan tempat kosong pada gambar ini. Ada satu perkataan yang boleh digunakan untuk dua tempat kosong.

Cari benda tersembunyi:

Cari objek-objek ini yang tersembunyi dalam gambar di bawah:

KANU, IKAN, DAUN, GULA-GULA, MAGNET, BULAN, JARUM & BENANG, HIRISAN OREN, PINGGAN, SUDU, DAN BINTANG.




Akulah \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_; sesiapa \_\_\_\_\_ kepada-Ku, dia akan \_\_\_\_\_ walaupun dia sudah \_\_\_\_\_.

(Yohanes 11:25)



hidup mati kebangkitan percaya

TULISKAN SEMULA PETIKAN INJIL YOHANES PADA GAMBAR DI SEBELAH KANAN. WARNAKAN, JADIKANNYA PENANDA BUKU ATAU BERIKAN PADA RAKAN-RAKAN.



**Akulah kebangkitan dan hidup; sesiapa percaya kepada-Ku, dia akan hidup walaupun dia sudah mati, dan setiap orang yang hidup dan yang percaya kepada-Ku, tidak akan mati.**

(Yoh 11: 25-26)

Hello anak-anak,

Pada hari Minggu ini kita memasuki hari minggu Pra-Paskah yang kelima. Tahukah anak-anak bahawa Yesus juga menangis. Dia menangis bukan kerana kehilangan wang atau lapar, tetapi Dia menangis kerana

kehilangan sahabat terkasih-Nya, Lazarus.

Suatu hari Lazarus sakit dan akhirnya meninggal dunia. Adik beradik Lazarus iaitu Maria dan Marta sangat sedih. Apabila Yesus datang, Dia juga berdukacita. Namun Yesus menunjukkan kuasa dan kasih Tuhan. Dia pergi ke kubur

Lazarus dan berseru, "Lazarus, keluarlah!" Dengan kuasa Yesus, Lazarus hidup kembali.

Anak-anak, mukjizat ini membuktikan bahawa Yesus adalah Anak Tuhan dan sumber kehidupan.

Kisah ini mengajar kita bahawa Yesus adalah Tuhan yang memberi kehidupan dan

harapan.

Dia selalu dekat dengan kita ketika kita sedih atau takut.

Oleh itu, kita diajak untuk percaya kepada Yesus, berdoa kepada-Nya, dan yakin bahawa kasih Tuhan sentiasa bersama kita.

Salam sayang  
Antie Melly

# BELIA



## Pemuda Ekaristi perkukuh iman di masa Pra-Paskah

KOTA HAI DUONG: Paroki Hai Duong di Vietnam menyambut Minggu Kedua Pra-Paskah dengan hari pembentukan khas belia.

Mereka diberi penekanan kepada katekesis, pembentukan sebagai murid misionari dan mengenali para martir tempatan.

Program ini bertujuan membantu golongan muda memperdalam iman mereka sambil memupuk semangat pelayanan dan tanggungjawab terhadap Gereja.

Menurut Pejabat Komunikasi Paroki Hai Duong, program yang diadakan pada Mac 1 itu telah menghimpunkan anggota Kumpulan Belia Ekaristi St Joseph Nguyễn Duy Khang.

Sepanjang hari tersebut, para peserta mengambil bahagian dalam pelbagai kegiatan yang merangkumi perayaan Misa Kudus, kajian

doktrin, aktiviti pembinaan pasukan, serta pertandingan yang berasaskan iman.

Kegiatan ini bukan sahaja bertujuan menambah pengetahuan keagamaan, tetapi juga membantu golongan muda menghidupi iman mereka secara lebih aktif dalam kehidupan harian.

Kanak-kanak dan remaja yang hadir memulakan hari mereka dengan menyertai perayaan Ekaristi dalam suasana yang khusyuk dan doa.

Dalam homilinya, paderi paroki Fr Joseph Nguyen Ven Vang mengajak mereka untuk semakin mendalami pemahaman tentang Firman Tuhan dan menghayati ajaran Injil dalam kehidupan seharian.

Beliau menekankan bahawa iman bukan sekadar pengetahuan, tetapi perlu diterjemahkan melalui

tindakan nyata dalam kehidupan. Fr Joseph juga menggalakkan golongan muda untuk sentiasa memperbaharui diri setiap hari melalui pelbagai amalan rohani yang konkrit.

Antara amalan yang beliau cadangkan termasuk menghadiri Misa secara setia, mendengar dan membaca Firman Tuhan dengan tekun, serta memupuk keinginan untuk menyerahkan hidup mereka kepada Tuhan.

Selain itu, beliau mengingatkan mereka tentang pentingnya menghormati ibu bapa, membantu keluarga di rumah, belajar dengan rajin, dan mengekalkan tingkah laku yang baik di sekolah dan dalam masyarakat. Sebelum mengakhiri homilinya, paderi tersebut mengingatkan para peserta agar terus menyertai

kelas-kelas katekismus, permainan, dan pertandingan selepas Misa dengan semangat kejujuran, kegembiraan, serta kecemerlangan.

Beliau menegaskan bahawa aktiviti-aktiviti ini adalah sebahagian daripada proses pembentukan iman yang menyeluruh bagi generasi muda Gereja.

Selepas perayaan liturgi, para peserta mengambil bahagian dalam program pembentukan awal musim bunga yang merangkumi pelbagai permainan membina pasukan dan pertandingan akademik. Pertandingan ini meliputi soalan berkaitan katekismus, Kitab Suci, doa-doa Gereja, serta sejarah Para Martir Hai Duong.

Aktiviti ini membantu para peserta mengulang kaji pelajaran yang telah mereka pelajari sepanjang semester pertama.


Pertandingan mengenai katekismus, Kitab Suci, doa, dan sejarah para martir merupakan kemuncak program pada hari tersebut.

Melalui aktiviti ini, para peserta bukan sahaja menguji pengetahuan mereka tetapi juga belajar untuk bekerjasama dan saling menyokong antara satu sama lain. Bagi sesi mengenal para martir suci, ia memberi semangat kepada para belia untuk bertumbuh teguh dalam iman serta memperdalam kasih mereka kepada Gereja.

Para martir tempatan juga dijadikan contoh keberanian dan kesetiaan kepada Kristus yang patut diteladani oleh generasi muda.

Retret ini disokong oleh ramai pihak seperti Fr Joseph, Fr Peter Bui, para seminarian, religius, katekis dan ahli anggota majlis paroki. **LICAS News**

## Persiapan WYD Seoul 2027 masuk Fasa Pelaksanaan



SEOUL: Persiapan untuk Hari Belia Sedunia (WYD) Seoul 2027 telah memasuki fasa pelaksanaan selepas mesyuarat permulaan global yang mengumpulkan pemimpin kementerian belia dan wakil Gereja dari seluruh dunia.

Menurut Jawatankuasa Penganjur Tempatan WYD Seoul 2027, kira-kira 245 pemimpin kementerian belia dan wakil dari persidangan uskup, gerakan Gerejawi, dan komuniti Gereja menyertai mesyuarat dalam talian pada Mac 5, yang dianjurkan bersama *Dicastery for Laity, Family and Life* untuk menyelaraskan persiapan bagi perhimpunan belia Katolik antarabangsa.

Mesyuarat yang diadakan dari bilik persidangan dikasteri di Roma itu juga melibatkan 25 wakil dari jawatankuasa penganjur Seoul.

Ia bertujuan untuk memberi taklimat kepada persidangan uskup dan rangkaian kementerian belia mengenai kemajuan

persiapan sambil mengukuhkan koordinasi global.

Antara mereka yang memimpin sesi tersebut adalah Uskup Agung Peter Soon-taick Chung dari Seoul, presiden jawatankuasa penganjur; Uskup Paul Kyung-sang Lee, koordinator amnya; dan Fr Franco Galdino dari Pejabat Belia dikasteri tersebut.

Dalam ucapan pembukaannya, Uskup Agung Chung membentangkan empat kata kunci yang membentuk visi pertemuan 2027: pertemuan, penjagaan pastoral, ziarah, dan misi.

Beliau berkata acara itu "seharusnya menjadi tempat di mana orang muda menyadari bahawa mereka tidak bersendirian, bertemu Tuhan dan satu sama lain, dan dihantar kembali ke kehidupan harian mereka dengan iman yang diperbaharui."

Dia juga menggambarkan Seoul sebagai sebuah bandar "di mana tradisi dan masa depan bertemu, di mana hospitaliti dan komuniti diamalkan, dan di mana

keamanan sangat dirindui."

Fr Galdino berkata mesyuarat itu direka untuk membantu persidangan uskup dan pemimpin belia memahami kemajuan persiapan dan mengekalkan komunikasi rapat dengan jawatankuasa penganjur.

Beliau berkata Hari Belia Sedunia adalah "sebuah perjalanan bersama di mana Gereja menemani golongan muda menuju pertemuan dengan Kristus."

Penganjur menekankan elemen-elemen yang dijangka membentuk perhimpunan tersebut, termasuk budaya dan bahasa Korea serta identiti Seoul sebagai bandar yang maju dari segi teknologi.

Jawatankuasa penganjur telah membentangkan sembilan pakej penyertaan penziarah berdasarkan pilihan makanan dan penginapan yang berbeza.

Maklumat yang lebih terperinci akan dikeluarkan melalui laman web rasmi Hari Belia Sedunia Seoul 2027. **LICAS News**

## Paderi Maronit terbunuh, Paus seru doa untuk damai

ROMA: Sri Paus Leo XIV menyeru umat Katolik di seluruh dunia untuk terus berdoa bagi keamanan di Iran dan di seluruh Timur Tengah, khususnya bagi para mangsa awam yang terkesan oleh konflik yang berterusan di rantau tersebut. Seruan itu disampaikan oleh Bapa Suci semasa Audiens Umum mingguan di Vatikan, sambil mengenang pengebumian seorang paderi Maronit, Fr Pierre El-Rahi, yang berlangsung pada Mac 12, di Qlayaa, Lubnan.

“Marilah kita terus berdoa untuk keamanan di Iran dan di seluruh Timur Tengah, terutamanya bagi ramai mangsa awam, termasuk kanak-kanak yang tidak bersalah. Semoga doa kita menjadi penghiburan bagi mereka yang menderita dan benih harapan untuk masa depan,” kata Sri Paus.

Bapa Suci mengenang Fr El-Rahi sebagai seorang paderi yang setia melayani umatnya di

salah satu kampung Kristian di selatan Lubnan, kawasan yang lama terjejas akibat konflik dan tragedi peperangan. “Saya dekat dengan semua rakyat Lubnan pada saat ujian berat ini,” tambah beliau.

Menurut laporan media Lubnan, paderi Katolik Maronit itu terbunuh pada Mac 9, ketika cuba membantu umatnya yang terjejas akibat serangan di kawasan tersebut.

Ketika kejadian, sebuah rumah di Qlayaa dilaporkan ditembak oleh kereta kebal Israel. Fr El-Rahi segera bergegas ke rumah berkenaan untuk membantu mangsa yang cedera. Namun dalam insiden itu beliau turut mengalami kecederaan serius dan meninggal dunia di hospital.

“Semoga Tuhan mengizinkan darah yang ditumpahkannya menjadi benih keamanan untuk Lubnan tercinta,” demikian doa Sri Paus Leo XIV. **Media Vatikan**



## Wanita di hati Gereja

BANGKOK: Komuniti Katolik di seluruh Asia menyambut Hari Wanita Antarabangsa pada Mac 8, dengan doa, refleksi dan advokasi yang menekankan peranan penting wanita dalam Gereja dan masyarakat.

Dari China hingga Asia Tenggara, perayaan yang bertemakan “Iman, Harapan, dan Cinta” itu menjadi kesempatan untuk mengiktiraf sumbangan wanita dalam kehidupan keluarga, komuniti, dan pelayanan Gereja.

Para pemimpin Gereja turut menyeru komitmen yang lebih kukuh terhadap martabat yang sama antara lelaki dan wanita, sebagaimana diajarkan dalam Injil.

Di Thailand, Persidangan Uskup Katolik Thailand (CBCT) menganjurkan satu perhimpunan khas yang menumpukan kepada refleksi tentang ajaran sosial Gereja dan peranan wanita dalam kehidupan iman.

Para peserta meneliti semula “Surat kepada Wanita” yang ditulis oleh Sri Paus Sto Yohanes Paulus II, sambil membincangkan bagaimana mesej tersebut masih relevan pada masa kini.

Uskup Silvio Siripong Charatsri, pengerusi Pejabat Pembangunan

Sosial CBCT, menegaskan bahawa Gereja amat menghargai apa yang sering disebut sebagai “genius feminin.”

Beliau memuji wanita yang berkhidmat sebagai pemimpin, pendidik, dan sukarelawan dalam pelbagai pelayanan Gereja serta dalam kehidupan masyarakat.

Menurutnya, wanita memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan komuniti iman.

Beliau juga menekankan bahawa ibu dan isteri sering menjadi katekis pertama dalam “Gereja domestik,” kerana melalui bimbingan dan kasih mereka, kanak-kanak mula mengenal iman Kristian.

Satu forum khas di Bangkok yang disiarkan secara langsung di seluruh negara turut menghimpunkan religius wanita dan pemimpin awam untuk membincangkan martabat wanita dalam terang Kitab Suci.

Para peserta merenungkan konsep *Imago Dei* dalam Kejadian 1:26, yang menegaskan bahawa lelaki dan wanita diciptakan menurut gambar Tuhan.

Beberapa penceramah juga berkongsi kesaksian iman mereka.

Seorang peserta dari Chiang

Mai, Siriwan Mek Wichaiwong, berkongsi bahawa ketika menghadapi masa sukar, bunyi loceng Gereja memberinya kekuatan dan harapan, seolah-olah mengingatkannya akan kasih Tuhan.

Walaupun perayaan itu dipenuhi dengan rasa syukur, para penceramah juga mengingatkan bahawa wanita masih menghadapi cabaran seperti diskriminasi dan keganasan.

Di Vatikan, Sri Paus Leo XIV menyeru umat beriman untuk menunjukkan solidariti dan perlindungan nyata terhadap wanita yang terdedah kepada ketidakadilan.

Seruan serupa turut datang daripada Persidangan Kristian Asia (CCA) yang menggesa tindakan lebih tegas untuk menegakkan hak wanita di rantau ini.

Di seluruh Asia-Pasifik, sambutan Hari Wanita Antarabangsa turut diadakan dengan pelbagai cara, termasuk Misa khas, program advokasi hak wanita, dan kempen keselamatan ruang awam.

Melalui perayaan ini, komuniti Katolik menegaskan kembali komitmen mereka untuk memartabatkan setiap insan sebagai ciptaan Tuhan yang berharga. **Media Katolik**



## Gelombang pelarian di Lubnan: Good Shepherd beri sokongan perubatan

BEIRUT: Para Sister Gembala Baik (*Good Shepherd Sisters/RGS*) memberi amaran bahawa orang awam merupakan golongan yang paling terjejas apabila keganasan semakin memuncak di Iran dan di seluruh wilayah Timur Tengah.

Dalam satu kenyataan rasmi, kongregasi tersebut menyuarakan kebimbangan mendalam terhadap krisis kemanusiaan yang semakin meruncing, khususnya di Lubnan.

Menurut kenyataan itu, lebih daripada 500,000 orang telah dipindahkan dalam tempoh hanya sedikit lebih daripada seminggu akibat peningkatan konflik.

Banyak keluarga terpaksa meninggalkan rumah mereka secara tergesa-gesa dan tiba di pusat perlindungan tanpa membawa barangan asas untuk meneruskan kehidupan.

Para religius itu menegaskan bahawa konflik bersenjata memberi kesan yang paling berat kepada

orang awam, terutama wanita, kanak-kanak dan warga tua.

Mereka menyatakan kebimbangan bahawa tindakan ketenteraan yang semakin sengit bukan sahaja mengancam lebih banyak nyawa, tetapi juga memburukkan lagi keadaan kemanusiaan yang sedia rapuh di rantau tersebut.

Kongregasi Gembala Baik turut meluahkan kesedihan terhadap peningkatan operasi ketenteraan yang berlaku dengan begitu pantas.

Situasi ini, menurut mereka, meletakkan jumlah nyawa yang tidak terhitung dalam bahaya serta menambah tekanan kepada masyarakat yang telah lama bergelut dengan trauma akibat konflik yang berpanjangan.

Ramai keluarga yang melarikan diri dari kawasan pertempuran kini terpaksa memulakan kehidupan sementara di pusat perlindungan yang serba kekurangan.



## Sinode tegaskan Kepimpinan wanita

VATIKAN: Setiausaha Agung Sinode telah mengeluarkan Laporan Akhir ketiga bagi Kumpulan Kajian yang ditubuhkan oleh Sri Paus Fransiskus selepas Sesi Pertama Perhimpunan Agung Ke- XVI Sinode para Uskup.

Laporan yang diterbitkan adalah mengenai Kumpulan Kajian No. 5 mengenai Penyertaan Wanita dalam Kehidupan dan Kepimpinan Gereja.

Laporan Akhir dalam bahasa Itali dan Inggeris, bersama dengan ringkasan ringkas dalam lima bahasa, boleh didapati di laman web Sekretariat Jeneral Sinode: [www.synod.va](http://www.synod.va)

Pejabat Sinode telah menerbitkan laporan akhir Kumpulan Kajian No. 3 mengenai ‘Misi dalam Persekitaran Digital’ dan Kumpulan Kajian No. 4 mengenai ‘Semakan Ratio Fundamental *Institutionis Sacerdotalis* dalam Perspektif Sinodal Misi.’

Sri Paus Leo XIV telah mengarahkan penerbitan Laporan Akhir ini untuk dikongsi dengan seluruh umat Tuhan hasil daripada refleksi dan penilaian yang dilakukan semasa Sinode, dalam semangat



ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Setiausaha Agung akan terus mengeluarkan Laporan Akhir secara berperingkat.

Laporan Akhir terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian pertama menjelaskan latar belakang penubuhan kumpulan kajian serta kaedah kerjanya.

Bahagian kedua merumuskan tema-tema utama yang muncul daripada kajian sinodal, termasuk hasil dialog dengan penasihat wanita di pelbagai dikasteri, analisis sumbangan yang diterima serta kesaksian wanita yang memegang tanggungjawab dalam Gereja.

Antara tema utama ialah pengik-

tirafan bahawa persoalan mengenai wanita merupakan “tanda zaman”, keprihatinan terhadap konteks Gereja tempatan, serta penekanan terhadap dimensi karismatik sumbangan wanita dalam kehidupan Gereja.

Bahagian ketiga mengandungi lampiran bahan kajian yang merangkumi tokoh wanita dalam Kitab Suci, sejarah Gereja, kesaksian wanita masa kini, serta refleksi teologi mengenai peranan wanita.

Laporan ini dianggap sebagai dokumen kerja yang akan membantu Gereja merumuskan cadangan praktikal bagi memperkukuh peranan wanita dalam kehidupan dan misi Gereja. **Media Vatikan**

# Kristus menyatukan umat

VATIKAN: Dalam dunia yang ditandai dengan perpecahan dan ketegangan, Gereja menyatukan ahlinya melalui iman mereka kepada Kristus dan kasih-Nya dan oleh itu mempunyai misi untuk menjangkau semua orang, kata Paus Leo XIV semasa Audiens Umum Rabu di Dataran Sto Petrus pada Mac 11.

“Bersatu dalam Kristus, Tuhan dan Juruselamat setiap lelaki dan wanita, Gereja tidak pernah boleh berpaling ke dalam dirinya sendiri, tetapi terbuka kepada semua orang dan untuk semua orang,” tegas Bapa Suci Leo.

“Ia adalah tanda harapan yang besar—terutamanya di zaman kita, yang dilalui oleh begitu banyak konflik dan peperangan—untuk mengetahui bahawa Gereja adalah sebuah masyarakat di mana wanita dan lelaki dari pelbagai kewarganegaraan, bahasa, dan budaya hidup bersama dalam iman,” sambungnya.

“Ia adalah tanda yang diletakkan di tengah-tengah kemanusiaan, satu peringatan dan ramalan tentang kesatuan dan keamanan yang dipanggil oleh Tuhan kepada semua anak-anak-Nya,” katanya.

Sri Paus Leo XIV meneruskan siri katekesisnya mengenai dokumen-dokumen Konsili Vatikan II, dengan memberi tumpuan sekali lagi kepada Konstitusi Dogmatik mengenai Gereja tahun 1964, *Lumen gentium*.

Dalam katekesis minggu ini, beliau merenungkan tentang perjanjian yang telah diciptakan Tuhan dengan umat-Nya dan apa maknanya bagi Gereja dan setiap orang Kristian.

“Dalam Gereja terdapat tempat untuk semua orang,” katanya, menambah bahawa “setiap orang Kristian dipanggil untuk mewartakan Injil dan memberi kesaksian di setiap persekitaran di mana dia tinggal dan bekerja.”

## Kristus menyatukan umat-Nya

Bapa Suci menjelaskan bahawa Tuhan “ingin menyelamatkan setiap orang,”



dan dengan itu Dia melaksanakan karya keselamatan-Nya dalam sejarah dengan memilih satu bangsa yang sebenar dan tinggal di antara mereka.

Beliau menekankan bahawa, dalam Perjanjian Lama, Tuhan memanggil Abraham, menjanjikan keturunan yang ramai kepadanya, dan kemudian membebaskan keturunan-keturunan ini dari perhambaan dan membuat perjanjian dengan mereka.

“Identiti rakyat ini diberikan oleh tindakan Tuhan dan oleh iman kepada-Nya,” kata Sri Paus dan menambah bahawa “mereka dipanggil untuk menjadi cahaya bagi bangsa-bangsa lain, seperti suara yang akan menarik semua bangsa, seluruh kemanusiaan, kepada dirinya sendiri.”

Dalam *Lumen gentium*, KV II menjelaskan bahawa misi ini mengambil makna yang lebih penuh dalam cahaya “perjanjian baru dan sempurna itu, yang akan disahkan dalam Kristus, dan wahyu yang

lebih penuh yang akan diberikan melalui Firman Tuhan sendiri yang menjadi daging,” tegas Sri Paus.

“Sebenarnya, dengan memberikan Tubuh dan Darah-Nya, menyatukan umat ini dalam Diri-Nya dan secara definitif.”

Gereja yang terdiri daripada umat Tuhan yang bersatu dalam Kristus.

Dalam hal ini, Sri Paus menegaskan bahawa inilah sebenarnya identiti Gereja hari ini: “umat Tuhan yang menarik kewujudan mereka daripada tubuh Kristus dan yang merupakan tubuh Kristus itu sendiri. Ia terdiri daripada wanita dan lelaki dari semua bangsa di bumi yang bersatu bukan oleh bahasa, budaya, etnik tetapi oleh Yesus.”

“Mereka yang tergolong dalamnya tidak berbangga dengan merit atau gelaran, tetapi hanya dengan anugerah menjadi, dalam Kristus dan melalui-Nya, anak-anak perempuan dan anak-anak lelaki Tuhan,” katanya. **Media Vatikan**

## Jus rohani untuk jiwa

## Jika aku seorang pengkhianat!

Kita selalu membaca rencana tentang “bagaimana menghadapi orang yang mengkhianati kita?” tetapi bagaimana jika kitalah si pengkhianat itu?

Menurut Kamus Dewan, perkataan “pengkhianat” merujuk kepada: orang yang mengkhianat; orang yang tidak setia kepada janji, amanah, kawan, kumpulan atau negara; orang yang belot atau melakukan pengkhianatan. Dalam moral Katolik, istilah pengkhianat tidak selalu digunakan sebagai istilah teknikal seperti dalam kamus, tetapi maknanya dapat difahami melalui ajaran tentang ketidaksetiaan, pengkhianatan amanah, dan dosa terhadap kasih.

Definisi ringkas: Pengkhianat dalam

moral Katolik ialah seseorang yang dengan sengaja melanggar kesetiaan, kepercayaan, atau amanah yang telah diberikan kepadanya, sehingga melukai hubungan dengan sesama manusia dan juga dengan Tuhan.

Unsur utama pengkhianatan dalam moral Katolik: Melanggar kepercayaan atau amanah. Pengkhianatan berlaku apabila seseorang menyalahgunakan kepercayaan yang diberikan kepadanya.

Contohnya Yudas Iskariot yang menyerahkan Yesus kepada musuh-Nya: “Yudas, dengan ciumankah engkau menyerahkan Anak Manusia?” (Lukas 22:48)

Bagaimana mengetahui anda seorang

pengkhianat? Dalam iman Katolik, seseorang tidak terus dilabel sebagai “pengkhianat”. Gereja mengajak setiap orang untuk memeriksa hati nurani (*examination of conscience*).

Melalui refleksi ini, anda boleh melihat sama ada tindakannya telah melukai kepercayaan orang lain atau melanggar kesetiaan kepada Tuhan.

### Berikut empat tanda yang boleh membantu anda memeriksa hati:

1. Anda menyalahgunakan kepercayaan yang diberikan
2. Anda berkata atau bertindak di belakang seseorang untuk menjatuhkannya
3. Anda memilih kepentingan diri walaupun tahu ia melukai orang lain
4. Anda tidak mahu mengaku kesalahan atau memperbaiki keadaan.

Salah satu tanda serius ialah apabila seseorang menolak untuk bertobat walaupun menyedari kesalahannya.

Yesus memberi peringatan: “Jika kamu tidak bertobat, kamu semua akan binasa.” (Lukas 13:3). Mengetahui bahawa anda mungkin telah mengkhianati seseorang bukanlah akhir cerita.

Sebaliknya, ia boleh menjadi permulaan pertobatan. Melalui: penyesalan yang tulus, pergilah mengaku dosa, usaha memperbaiki hubungan anda oleh dipulihkan oleh rahmat dan belas kasih Tuhan. **Aleteia**

## PENULIS BERKICAU

## Fenomena mistik dan kebijaksanaan Gereja

Fenomena Naju yang berasal dari Korea Selatan terus menjadi perbincangan dalam kalangan sebahagian umat Katolik di beberapa negara, termasuk Malaysia.

Walaupun Gereja Katolik telah mengambil pendirian rasmi yang tidak mengiktiraf penampakan yang didakwa berlaku di Naju, masih terdapat individu atau kumpulan kecil yang menunjukkan minat terhadap mesej dan devosi yang berkaitan dengannya.

Naju merujuk kepada peristiwa yang dilaporkan bermula pada tahun 1985 di bandar Naju, Korea Selatan.

Seorang wanita bernama Julia Kim mendakwa menerima penampakan Perawan Maria dan mengalami pelbagai fenomena mistik seperti air mata pada patung Maria, minyak wangi yang muncul secara misteri, serta pengalaman rohani lain. Dakwaan ini dengan cepat menarik perhatian ramai umat Katolik dari dalam dan luar negara yang tertarik dengan kemungkinan berlakunya mukjizat atau tanda-tanda ilahi.

Namun, selepas penyiasatan yang panjang dan teliti, Keuskupan Agung Gwangju di Korea Selatan mengisytiharkan bahawa fenomena tersebut tidak boleh diterima sebagai penampakan yang sah menurut ajaran Gereja Katolik.

Pihak berkuasa Gereja tempatan juga menasihatkan umat supaya tidak mengambil bahagian dalam aktiviti atau devosi yang berkaitan dengan Naju. Tetapi mengapa masih ada yang degil?

Salah satu sebab mengapa fenomena seperti ini mudah menarik perhatian ialah keinginan manusia untuk mengalami sesuatu yang luar biasa dalam kehidupan rohani mereka.

Kisah-kisah tentang air mata patung, bau harum yang misteri, atau penyembuhan ajaib sering memberikan kesan emosi yang mendalam kepada mereka yang sedang mencari hiburan, harapan, atau tanda kehadiran Tuhan dalam hidup mereka. Dalam konteks ini, fenomena seperti Naju boleh kelihatan sangat menarik dan meyakinkan bagi sesetengah orang.

Mungkin anda masih ingat fenomena imej Bonda Maria di Ulu Patikang, Keningau sekitar bulan Jun, 2007; fenomena patung Bonda Maria “menangis” di Penampang, Sabah sekitar tahun 2015; imej menyerupai Bonda Maria pada tingkat tujuh di sebuah hospital swasta, pada tahun 2012. Dalam konteks ini, fenomena yang disebutkan kelihatan sangat menarik dan meyakinkan bagi sesetengah orang.

Namun demikian, Gereja Katolik sentiasa menekankan bahawa iman Kristian tidak bergantung kepada fenomena luar biasa atau wahyu peribadi.

Walaupun terdapat beberapa penampakan yang telah diiktiraf oleh Gereja, seperti di Lourdes dan Fatima, umat Katolik tidak diwajibkan untuk mempercayainya sebagai sebahagian daripada iman yang wajib.

Kita harus ingat, proses penilaian Gereja terhadap dakwaan penampakan biasanya melibatkan kajian teologi, psikologi, dan pastoral yang mendalam. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa sesuatu fenomena benar-benar selaras dengan ajaran iman dan tidak membawa kekeliruan kepada umat!

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Kita boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my) atau**

**WhatsApp: 011-26391498**



## Semangat St Francis Dihidupkan Semula di Gereja Risen Christ

PULAU PINANG: Gereja Katolik Risen Christ baru-baru ini menganjurkan pameran relik Sto Francis dari Assisi.

Sesuai dengan para semangat Friar Franciscan yang menjaga paroki itu, ia diadakan bersempena Tahun Jubli Sto Francis seperti yang diwartakan oleh Sri Paus Leo XIV, untuk dirayakan dari Januari 10, 2026 hingga Januari 10, 2027.

Perayaan ulang tahun ke-800 Transitus — pemergian Sto Francis dari Assisi menyeru umat beriman kepada pembaharuan rohani, perdamaian dan keamanan dalam dunia yang terbahagi, sambil menggalakkan mereka meneladani kehidupan kemiskinan, kerendahan hati dan pengabdian kepada Kristus seperti yang ditunjukkan oleh santo tersebut.

Penitensiar Apostolik juga telah memberikan indulgensi pleneri kepada mereka yang menunaikan ziarah ke Gereja atau pusat ziarah yang didedikasikan kepada Sto Francis.

Di Assisi, Itali, jenazah Sto



Francis kini dipamerkan untuk penghormatan awam buat kali pertama dalam tempoh 800 tahun dari Februari 22 hingga Mac 22, 2026. Di Risen Christ, pameran itu memberi peluang kepada pengunjung untuk mengambil bahagian dalam Doa Ilahi — *Sext, None, Vespers* dan *Compline*.

Ramai juga yang merenungkan *The Canticle of the Creatures*, doa pujian yang digubah oleh Sto Francis pada tahun 1225.

Dalam karya tersebut, santo itu menggambarkan seluruh ciptaan

sebagai satu keluarga yang memuji Tuhan, merujuk kepada unsur alam sebagai "Saudara Matahari", "Saudari Bulan", "Saudara Angin", "Saudari Air", "Saudara Api" dan "Saudari Ibu Bumi", malah menyambut kematian sebagai "Saudari". Para peserta turut diajak merenungkan bagaimana mereka boleh menghayati kerohanian Franciscan iaitu pada masa kini "mata kontemplatif" — suatu cara melihat yang mengenali kehadiran Tuhan dalam segala sesuatu.

Selain itu, tiga peristiwa penting dalam kehidupan Sto Francis turut



diketengahkan iaitu kehidupan awalnya di Greccio, kisah Serigala Gubbio dan penerimaan stigmata.

Pada tahun 1223, Sto Francis mencipta adegan kelahiran hidup pertama untuk membantu orang ramai mengalami kerendahan hati kelahiran Kristus.

Kisah Serigala Gubbio pula melambungkan keyakinannya bahawa seluruh ciptaan adalah sebahagian daripada satu keluarga.

Dua tahun sebelum kematiannya, pada 1224, beliau menerima stigmata di Gunung La Verna, menjadikannya individu pertama

yang dicatat menerima luka-luka Kristus.

Pengunjung juga berpeluang menonton dokumentari *A Sign of Contradiction*, yang menggambarkan perjalanan rohani Sto Francis.

Penganjur menyatakan harapan bahawa pameran tersebut akan memberi inspirasi kepada pertobatan yang lebih mendalam dalam kalangan mereka yang hadir.

Hampir 800 tahun selepas pemergian, Sto Francis terus mengajak umat beriman untuk menghidupi Injil dengan kesederhanaan, keberanian dan integriti.

Melaka: Seramai 70 orang peserta telah menyertai Retret Hidup Baru Dalam Roh bertemakan "Kasih Tuhan Yang Menyembuhkan" pada Februari 28 hingga Mac 1, di Monfort Youth Centre, Ayer Salak, Melaka.

Peserta yang terdiri dari seluruh paroki di Keuskupan Melaka serta beberapa peserta dari St Andrew, Muar, Johor serta dari St Francis Of Assisi, Cheras, Kuala Lumpur sangat bersyukur dan teruja.

Program ini dianjurkan oleh Tim CHARIS Melaka dan mengundang Jude Antoine sebagai penceramah.

Retret ini dimulakan dengan lagu puji-pujian, diikuti sesi pertama, "Cinta Kasih Tuhan".

Jude mengatakan bahawa kita haruslah mengenali Yesus secara mendalam dan secara peribadi serta percaya bahawa Yesuslah jalan, hidup dan kebenaran.



### Hidup mesti ada lima perkara

Sesi seterusnya, Jude memperkenalkan kepada para peserta siapakah Roh Kudus dan mengungkapkannya bahawa Roh Kudus adalah teman yang paling dekat dengan hati dan jiwa serta sangat memahami, melindungi dan memberi

kekuatan.

Penceramah juga menegaskan dalam hidup mesti ada lima perkara iaitu doa peribadi, membaca firman Tuhan, Sakramen, komuniti dan pelayanan.

Adorasi dan Pengakuan diadakan

sebelum sesi Penyembuhan dan Pencurahan Roh Kudus.

Pada hari kedua retret, peserta diberi peluang untuk berkongsi pengalaman serta apa yang mereka alami sepanjang retret ini berlangsung.

Salah seorang peserta berkongsi bahawa luka yang dipendam selama ini dan hal yang terkait sakit hati pada dunia telah disembuhkan oleh Tuhan semasa sesi pencurahan Roh Kudus.

Ada juga berkongsi mengatakan kesedaran akan cinta kasih Tuhan dan kesetiannya tidak pernah putus berbanding cinta kasih dari sesama manusia.

Hampir kesemua peserta berkongsi mengatakan bahawa mereka dapat merasakan sentuhan serta jamahan Roh Kudus dan mendapat penyembuhan luka-luka batin.

Retret ini diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Devadasan Muthu selaku *Spiritual Director* pasukan CHARIS Keuskupan Melaka Johor. **Anne Hendricks**

## Konvoi Kasih ke Paitan



SANDAKAN: Susulan permintaan bantuan daripada Fr Arthur John dari Gereja St Francis of Assisi, Misi Paitan, umat di Katedral St Mary menyahut panggilan untuk berkongsi cahaya Kristus dengan mereka yang memerlukan.

Pasukan Caritas Paroki bersama umat paroki, datang untuk membantu keluarga yang terjejas disebabkan oleh banjir baru-baru ini di Paitan.

Bantuan berupa pakaian untuk orang dewasa dan kanak-kanak, bekalan makanan, air minuman, dan keperluan harian penting yang lain, termasuk barang untuk ibu

dan bayi, telah dikumpulkan. Tindakan kebaikan yang sederhana tetapi bermakna ini membawa harapan dan mengingatkan keluarga yang terjejas bahawa mereka tidak bersendirian dalam perjuangan mereka.

Pada Mac 7, para sukarelawan berkumpul awal di Dewan Paroki Katedral St Mary untuk menyusun barangan yang hendak didermakan.

Kira-kira 25 kenderaan menyertai konvoi bagi menghantar bantuan yang diiringi dengan doa oleh Fr David A. Garaman.

Konvoi berlepas dari katedral dan

tiba di Gereja St. Francis of Assisi, Sukang, Paitan pada kira-kira jam 11:00 pagi.

Para penganjur menyatakan rasa terima kasih yang mendalam kepada semua yang terlibat. Misi ini mencerminkan semangat amal dan solidariti Kristian, membawa bukan sahaja bantuan material tetapi juga harapan dan dorongan kepada komuniti yang memerlukan.

Caritas Katedral St Mary, Sandakan mengucapkan penghargaan yang tulus kepada semua sukarelawan, pemandu, penderma, dan komuniti paroki yang menyokong inisiatif ini. **Evelyn Jock**